



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

KERJASAMA ERAT KERAJAAN NEGERI BAGI MENANGANI KONFLIK MANUSIA DAN HIDUPAN LIAR

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Nik Nazmi Nik Ahmad menghadiri sesi dialog bersama pemegang taruh di Negeri Johor bagi membincangkan strategi untuk menangani konflik manusia dan hidupan liar serta merasmikan Jawatankuasa Khas (Taskforce) Konflik Manusia dan Gajah Negeri Johor di Kota Iskandar, Johor, di sini, hari ini.

YB Menteri dalam ucapannya menyambut baik dan menghargai usaha Kerajaan Negeri Johor yang telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Khas Konflik Manusia dan Gajah Negeri Johor bagi menyelaraskan tindakan pengurusan konflik gajah dan manusia di negeri ini secara bersepadu dan sistematik. Langkah strategik ini sewajarnya dijadikan contoh oleh negeri-negeri lain bagi meningkatkan keberkesanan usaha menangani konflik manusia dan hidupan liar.

Sesi ini turut dihadiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor, Tuan Ling Tian Soon, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) NRES, Norsham binti Abdul Latip; Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia; Jabatan Perhutanan Negeri Johor; Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Johor; Perbadanan Taman Negara Johor serta Pegawai-pegawai Daerah Kluang, Segamat, Kota Tinggi dan Mersing.

Pendekatan yang lebih tuntas dan berkesan dalam menangani konflik antara manusia dan hidupan liar kini menjadi satu keperluan mendesak, memandangkan data Jabatan PERHILITAN merekodkan lonjakan serius dalam jumlah kes, dengan sebanyak 66,825 aduan melibatkan spesies seperti kera, gajah, babi hutan, harimau Malaya dan tapir dilaporkan antara tahun 2020 hingga 2024. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4,919 aduan melibatkan gajah. Anggaran jumlah kerugian akibat serangan hidupan liar sepanjang tempoh tersebut pula adalah sebanyak RM46.5 juta. Di Negeri Johor sahaja, sebanyak 7,996 aduan konflik hidupan liar telah direkodkan dari tahun 2020 hingga 2024 dengan jumlah kerugian sebanyak RM6.88 juta.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh NRES melalui Jabatan PERHILITAN bagi menangani konflik manusia dan gajah seperti menubuhkan santuari gajah termasuk Santuari Gajah Johor, menjalankan program pemantauan pergerakan kumpulan gajah secara pemasangan kolar satelit sebagai sistem amaran awal (early warning system), membangunkan Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) dan membangunkan National Elephant Conservation Action Plan (NECAP) sebagai garis panduan dalam pengurusan gajah di Semenanjung Malaysia. Inisiatif Bantuan Kerugian Harta Benda dan Tanaman Akibat Serangan Hidupan Liar (BKHT) turut diperkenalkan pada tahun 2024 dengan peruntukan sebanyak RM10 juta sebagai satu bentuk bantuan kepada kumpulan sasaran yang terjejas dan mengalami kerugian harta benda akibat konflik hidupan liar.

Antara perkara yang dibincangkan semasa sesi dialog termasuk keperluan Kerajaan Negeri memainkan peranan lebih proaktif melalui pengukuhan usaha-usaha penyambungan habitat hidupan liar dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk syarikat-syarikat perladangan serta menggalakkan penanaman sumber makanan gajah bagi mengurangkan kebergantungan gajah kepada kawasan pertanian.

Pelaksanaan sesi dialog ini mencerminkan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam mencari jalan penyelesaian terbaik bagi menangani konflik manusia dan gajah di Negeri Johor. Pengurangan konflik ini akan meningkatkan hasil produktiviti tanaman pertanian dan pendapatan penduduk setempat, menjamin kesejahteraan rakyat serta memastikan kelestarian khazanah biodiversiti negara.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
20 MEI 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

